



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

TEKS UCAPAN

**YB DATUK AARON AGO DAGANG
MENTERI PERPADUAN NEGARA**

SEMPENA

**MAJLIS PENYAMPAIAN
ANUGERAH MY HERO 4.0**

11 JANUARI 2024 (KHAMIS)

11.00 PAGI

**DEWAN SENG PENG,
WISMA CHINESE CHAMBER
JALAN AMPANG, KUALA LUMPUR**

Salam Malaysia Madani dan Salam Perpaduan.

SALUTASI

**Salutasi terkini disediakan secara berasingan*

PENDAHULUAN

1. Terlebih dahulu, tahniah diucapkan kepada **Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Kuala Lumpur dan Selangor (KLSCCCI)** dengan kerjasama akhbar Nanyang Siang Pau mengadakan **Majlis Penyampaian Anugerah My Hero** yang kini telah memasuki edisi keempat (4) pada tahun ini.
2. Tentunya, Kementerian Perpaduan Negara (KPN) melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) menyokong penuh usaha ini semenjak edisi pertama pada tahun 2014. Hasrat murni penganjuran Anugerah My Hero ini turut perlu mendapat sokongan pelbagai pihak dan saya amat mengalu-alukan sokongan badan korporat serta badan bukan kerajaan dalam inisiatif seumpama ini.

ANUGERAH MY HERO

Hadirin yang saya hormati sekalian,

3. Sehingga kini, seramai **18 orang wira dan wirawati *My Hero*** yang terdiri dari pelbagai kaum telah menerima anugerah ini bermula dari tahun 2014, 2016 dan 2018.
4. Saya turut dimaklumkan bahawa **penerima Anugerah *My Hero* merupakan wira yang tidak didendangkan (*unsung heroes*) dan tidak pernah menerima pengiktirafan daripada mana-mana pertubuhan atau mana-mana individu.** Mereka membantu, berkorban masa, tenaga dan wang ringgit dan memberi sumbangan tanpa mengambil kira soal perbezaan darjat, kaum, agama dan budaya. Atas semangat inilah, Kementerian Perpaduan Negara memberi sokongan yang sangat jitu kepada penganjuran program ini.
5. Bagi tahun ini, seramai **13 calon akhir telah disenarai pendek (*shortlisted*)** oleh panel juri dan **seramai 6 orang penerima akhirnya telah dipilih** berdasarkan komitmen, semangat kesukarelawananan dan terus konsisten dalam membantu masyarakat yang memerlukan tanpa mengambil kira soal kaum, agama dan budaya.

6. Penerima Anugerah *My Hero* merupakan contoh dan boleh menjadi ikutan (*role model*) kepada masyarakat. Oleh itu, saya ingin **mengumumkan bahawa kesemua penerima anugerah pada hari ini dilantik sebagai Duta Perpaduan**. Sebagai Duta Perpaduan, peranan anda semua amat besar iaitu **membantu Kementerian dalam memupuk semangat penyatuan masyarakat dan menjaga keharmonian rakyat berbilang bangsa**.

PERPADUAN MELALUI KESUKARELAWAN

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,

7. Penglibatan dalam kesukarelawanan dapat memperkuat dan memperkasakan komuniti, meningkatkan integrasi sosial, membina kepercayaan dan ikatan sosial yang kuat, meningkatkan kesejahteraan masyarakat yang sekaligus menyumbang kepada perpaduan negara.
8. Hal ini turut didukung menerusi agenda Malaysia Madani dalam teras yang keempat iaitu “Ihsan” yang menerapkan belas ihsan akan nasib semua pihak melalui tindakan pemberdayaan kemanusiaan. Nilai kesukarelawan perlu dibangunkan secara

hoslitik agar masyarakat didedahkan dengan sifat dan falsafah kesukarelawanan secara berterusan kerana ia secara tidak langsung memupuk kepada keharmonian sejagat sejajar dengan penghayatan konteks Malaysia Madani.

9. Kempen kesedaran juga harus dipergiat agar rakyat memahami kepentingan sukarelawan dalam masyarakat Malaysia sekali gus pada akhirnya boleh menyumbang kepada pembentukan masyarakat dan negara Madani yang dihasratkan.

PELAKSANAAN INISIATIF DUTA PERPADUAN OLEH KPN

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,

10. Menuju Malaysia yang lebih aman dan inklusif, jambatan antara komuniti yang berbeza perlu dibina bagi memupuk rasa perpaduan dan tujuan bersama.
11. Sehubungan dengan itu, Kementerian Perpaduan Negara akan melantik **50 orang Duta Perpaduan dan 2 Ikon Perpaduan setiap tahun bermula tahun ini**. Peranan mereka adalah menyebarkan pengetahuan, kefahaman dan penghayatan usaha-usaha Kerajaan dalam meningkatkan semangat muhibbah dan kebersamaan. Tujuan utama pelaksanaan

inisiatif ini bagi mengasah kemahiran dan pengetahuan belia untuk menjadi pemimpin perpaduan dan keamanan dalam komuniti mereka. Antara empat bidang tumpuan inisiatif Duta Perpaduan adalah:

- **Perpaduan melalui kesukarelawan**
- **Penghayatan Rukun Negara**
- **Pengukuhan Perpaduan Negara**
- **Pemuliharaan Khazanah Warisan Negara**

12. Pendekatan ini adalah berkonsepkan Perpaduan Dalam Kepelbagaian (*Unity In Diversity*) yang selari dengan Dasar Perpaduan Negara di mana keupayaan rakyat Malaysia meraikan kemajmukan etnik, kepelbagaian agama, kekayaan budaya serta keunikan tradisi.

PENUTUP

Hadirin yang saya hormati sekalian,

13. Saya sekali lagi ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan di atas kolaborasi Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional bersama KLSCCCI serta Nanyang Siang Pau serta semua pihak yang komited menjayakan majlis pada hari ini.

14. Semoga penganjuran Anugerah *My Hero* ini akan mengukuhkan lagi hubungan semangat kekitaan antara kita semua sebagai rakyat Malaysia yang menjunjung tinggi Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara sebagai asas pembentukan negara serta usaha penyatupaduan rakyat demi kelestarian keharmonian negara yang kita cintai.

15. Akhir kata, dengan ini saya dengan sukacitanya merasmikan **Majlis Penyampaian Anugerah *My Hero* 4.0 Tahun 2024.**

Sekian, terima kasih.